

Aeroangkasa lonjak pertumbuhan ekonomi negara

Pelan Induk Aeroangkasa Kedua 2030 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sempena Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2015 (LIMA '15) kelmarin adalah langkah tepat seiring dengan pelan pembangunan negara ini yang mahu menyaksikan lebih kepelbagaian dalam kegiatan serta sumber pertumbuhan ekonomi. Ia juga kita lihat bakal melonjakkan negara ke satu lagi tahap dalam rangkaian bidang perindustrian, sekali gus akan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan terutama dalam bidang berteknologi tinggi sejajar dengan peningkatan dalam tahap pendidikan rakyat. Seperti kita semua maklum, tumpuan kerajaan terhadap pendidikan telah menyediakan peluang seluas-luasnya kepada rakyat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi. Berikutan itu, bilangan rakyat yang memiliki kelulusan diploma dan ke atas semakin bertambah. Malah, mungkin sudah pun mengatasi bilangan yang hanya berkelulusan sekolah menengah. Dalam hal jika kegiatan ekonomi negara masih pada takuk lama, peluang rakyat mendapatkan pekerjaan yang setaraf dengan kelulusan serta kepakaran mereka akan semakin terbatas. Di sinilah kita lihat pembangunan industri aeroangkasa ini, selain bidang teknologi tinggi lain yang sedang giat dimajukan kerajaan akan membantu. Seperti dinyatakan Perdana Menteri industri aeroangkasa ini jika dapat dimajukan bakal menyumbang hasil sebanyak RM32.5 bilion dan mewujudkan 32,000 pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030. Selain pekerjaan, pembangunan industri ini sudah tentunya juga akan menyediakan rangkaian peluang perniagaan baharu.

Mungkin ada yang beranggapan bidang ini terlalu besar buat Malaysia, tetapi jika diperhatikan sebenarnya kita mampu untuk menerokanya dan berkeupayaan untuk setanding dengan negara maju memandangkan tenaga mahir yang sudah dilahirkan dalam bidang ini melalui kursus yang ditawarkan beberapa universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), juga latihan berkaitan yang disediakan institusi kemahiran tinggi dan vokasional. Pengajian dalam bidang ini telah pun bermula sejak tahun 1983 diterajui Universiti Teknologi Malaysia yang kemudian diikuti oleh Universiti Putra Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Hasil daripada Pelan Induk Industri Aeroangkasa pertama yang dilancarkan pada LIMA 1997 pula telah menyaksikan kemunculan beberapa syarikat pembuatan komponen pesawat tempatan yang berjaya melepasi piawaian ditetapkan Boeing dan Airbus, sekali gus menunjukkan keupayaan mereka menerokai sektor pembuatan komponen lebih besar dan rumit, selain menerima pelaburan daripada syarikat pembinaan pesawat antarabangsa yang menanam modal membina kilang di Selangor dan Pulau Pinang. Justeru, asas Malaysia dalam industri ini sebenarnya sudah pun tersedia. Pelancaran Pelan Induk Aeroangkasa Kedua ini bakal mengukuhkan dan mengembangkannya lagi.